

30/10/2003

Kedangkalan wartawan asing terhadap Dr M terserlah

Jamhariah Jaafar

"PERDANA Menteri anda seorang diktator," kata seorang wartawan Indonesia yang ketika itu dikelilingi ramai wartawan asing lain. Berdesing telinga dan serta merta darah menyirap ke muka. Hanya hati mendesak supaya bersabar kerana berada di gelanggang antarabangsa.

"Saya tidak tahu mengapa anda terus memujinya, sedangkan dia terus menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang amat draconian, memenjara Anwar Ibrahim dan pejuang reformasi lain tanpa dibicara dan menggeledah tanpa sebab pejabat Malaysiakini (akhbar online)," kata seorang lagi teman wartawan dari negara jiran.

Melihat reaksi wartawan lain, termasuk dari Amerika Syarikat, yang memang menunggu masa untuk melemparkan kritikan sama kepada saya, perasaan berang kerana dianggap sebagai 'pengampu Mahathir' tidak dapat ditahan lagi dan meletus akhirnya.

"Adakah awak pernah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Adakah awak mengkaji dengan teliti undang-undang ISA Malaysia atau adakan awak pernah menjejak kaki ke Malaysia untuk melihat sendiri apa yang kami miliki di sana berbanding apa yang awak miliki di Indonesia?"

"Apa bezanya ISA kami dengan Akta Patriotik Amerika yang jauh lebih buruk kerana tidak ada siapa tahu ke mana orang yang ditangkap dibawa. Isu

Anwar Ibrahim juga bukan sekadar isu yang diluahkan di mahkamah, tetapi lebih daripada itu dan mereka yang ditangkap di bawah ISA amat kecil dan ia penting bagi memastikan majoriti rakyat Malaysia dapat terus hidup dalam keadaan aman damai.

"Jangan jadikan reformasi Indonesia sebagai ukuran kerana reformasi anda gagal membawa kemakmuran yang diharap kepada negara anda," kata-kata keras akhirnya terkeluar juga.

Semua ini berlaku ketika saya mengikuti fellowship selama sebulan kelolaan East West Centre, Universiti Hawaii, awal tahun ini. Rupa-rupanya persepsi wartawan berkenaan menular jauh, bukan sekadar di kalangan teman di negara jiran, malah wartawan asing lain juga memiliki pandangan yang sama - 'Dr Mahathir seorang diktator yang enggan melepaskan kuasa'.

Sebelum meneruskan perjalanan dari Hawaii ke Washington, kumpulan wartawan Amerika yang akan berlepas ke beberapa negara Asia termasuk Malaysia melemparkan pertanyaan: "Perlukan saya memakai hijab apabila berada di Malaysia nanti."

Perasaan marah yang sering bergolak sejak menjejak kaki di Amerika bertukar menjadi kasihan terhadap betapa ceteknya pengetahuan mereka mengenai dunia luar.

"Awak melihat saya memakai apa? Jean, t shirt dan tidak bertudung, betul

tak? Malaysia adalah sebuah negara Islam, tetapi kami adalah negara yang amat unik kerana walaupun Islam agama rasmi, agama lain juga bebas diamalkan. Tidak ada paksaan dalam beragama. Jika saya di sini begini, maka saya di sana juga seperti ini. Saya yakin anda akan terkejut jika melihat Malaysia.

"Saya cuma berharap anda dapat bertemu Dr Mahathir apabila berada di Kuala Lumpur nanti. Saya yakin Perdana Menteri mahu bertemu anda semua jika ada kesempatan," kata saya kepada Shihoko seorang keturunan Jepun tetapi sudah menjadi warga Amerika.

Saya tertarik untuk menyertai fellowship ini kerana temanya iaitu 'keganasan antarabangsa' memang menarik. Setiap tahun, East West Centre menganjurkan fellowship bagi wartawan dari rantau Asia Pasifik untuk bertemu pengamal media Amerika bagi bertukar pendapat dan idea.

Peperangan di Iraq dan keganasan antarabangsa yang menular ke akar umbi, menjadikan tema musim panas amat menarik, terutama bagi mereka yang mengikuti perkembangan politik antarabangsa.

Selain wartawan Malaysia dan Indonesia, program musim panas lalu turut disertai wartawan Filipina, India, Pakistan, Nepal, Jepun, Korea Selatan, China, di samping empat wartawan dari Amerika sendiri.

Pada program ini, wartawan Asia Pasifik dibawa menjelajah tanah besar Amerika iaitu Washington, New York dan Omaha, manakala kumpulan Amerika diperkenalkan dengan Jepun, Korea Selatan dan Malaysia.

Kehadiran empat hari di Malaysia sudah cukup untuk memberikan Shihoko, John Yaukey, Ross Reynolds dan K Oanh, yang ditemani koordinator East West Centre, Susan Kreiffels, bukan saja pengalaman langsung mengenai Malaysia, malah lebih mengharukan apabila Dr Mahathir meluangkan masa lebih sejam bersama mereka.

"Saya meminta maaf kerana salah anggap terhadap beliau. Dr Mahathir seorang yang baik, lembut apabila berkata-kata dan bijak. Tidak hairanlah anda begitu mengaguminya," kata Shihoko, manakala Yaukey, Reynolds serta Oanh, juga tidak habis-habis bercerita mengenai pertemuan dengan Dr Mahathir dan kebaikan Ketua Eksekutif ISIS, Tan Sri Nordin Sopiee, yang tidak sempat membawa mereka ke karaoke.

"Ia, saya juga bertemu kakitangan profesional dan setiausaha akhbar yang bijak di Washington dan mereka sentiasa berfikir bahawa pemimpin kami memang 'bijak' untuk dilantik sebagai pemimpin," kata saya tersenyum sinis.

Bagaimanapun, kekaguman itu hanya seketika apabila perdebatan berulang di bilik kuliah. Kritikan membabitkan dasar luar Presiden Bush, terutama peperangan di Iraq, liputan secara langsung wartawan perang yang turut sama dalam konvoi tentera bersekutu, kawalan media yang didakwa berlaku di

kalangan negara membangun termasuk Malaysia dan kehadiran pelbagai undang-undang yang dianggap mengekang kebebasan media dan hak asasi manusia, menjadikan dewan kuliah sentiasa panas walaupun cuaca agak sejuk di Honolulu ketika itu.

Fasih Ahmad yang tidak begitu meminati Presidennya, Pervez Musharraf;

Tita yang amat sinis terhadap janji Presiden Arroyo untuk meletak jawatan pada pilihan raya akan datang dan Andi, pejuang reformasi yang amat bencikan Saddam Hussein serta pemimpin lain yang dianggap diktator, membuatkan wartawan Barat tidak sukar mencari bahan untuk mengkritik pemimpin masing-masing.

Mereka sukar untuk percaya kebanyakan wartawan Malaysia yang pernah mengikuti perkembangan pemimpin agung seperti Perdana Menteri, boleh jatuh cinta dan sanggup bertegang urat demi mempertahankan nama baik Dr Mahathir.

"Apa yang anda dapat dari beliau?" tanya Sanggeta Lama dari Nepal yang negaranya turut mengalami kemelut tidak kunjung sudah.

"Tiada apa-apa kecuali saya belajar sesuatu daripadanya... Saya tidak takut untuk berkata apa yang terlintas dalam minda saya!"